



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **TEKS UCAPAN**

**OLEH**

**YBHG. DATUK AZMAN MOHD YUSOF  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**KEM ANAK MALAYSIA  
PERINGKAT NEGERI KEDAH TAHUN 2023**

**TARIKH:**

**19 NOVEMBER 2023 (AHAD)**

**MASA:**

**3.00 PETANG**

**LOKASI:**

**KEM WAWASAN NEGARA KULIM, KEDAH**

## **SALUTASI**

*\*\*Salutasi terkini disediakan secara berasingan.*

Salam Perpaduan and Salam Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Saya panjatkan rasa kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wa Taala (SWT) kerana kita dapat bersama-sama berhimpun pada hari ini bersempena Majlis Penutupan Kem Anak Malaysia Negeri Kedah yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Kedah dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (iLEADS) serta Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS).
2. Tahniah diucapkan kepada JPNIN Negeri Kedah yang telah terpilih bersama dua negeri lain iaitu Perak dan Melaka yang melaksanakan Kem Anak Malaysia Tahun 2023.
3. Program yang dilaksanakan ini bertujuan untuk meningkatkan semangat patriotisme dan memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar. Ia juga diadakan untuk meningkatkan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan pelajar terhadap cita-cita dalam Rukun Negara serta Prinsip-prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian. Ia diharapkan dapat mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat dan memahami

kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat majmuk yang mempunyai pelbagai latar budaya, adat resam tradisi dan agama.

Para pelajar dan hadirin yang dikasihi sekalian;

### **RUKUN NEGARA IDEOLOGI NEGARA**

4. Ikrar Rukun Negara yang kita baca sebentar tadi dan anak-anak baca setiap kali perhimpunan di sekolah telah digubal oleh kerajaan bertujuan sebagai pembina semangat cintakan negara dalam kalangan rakyat pelbagai kaum. Matlamat utama pembentukan Rukun Negara ialah membina perpaduan kukuh dalam kalangan rakyat Malaysia.
5. Bermula pada 25 Julai 2023, Kerajaan telah meluluskan supaya lafaz ikrar Rukun Negara kini dibaca penuh bermula dengan mukadimah, diikuti lima prinsip berkenaan di semua peringkat sekolah dan program rasmi kerajaan di seluruh negara sebagai usaha menyemai taat setia dan rasa cintakan negara.
6. Sebagai rakyat Malaysia yang berjiwa patriotik dan cintakan tanah air, prinsip-prinsip Rukun Negara hendaklah sentiasa kita junjung. Bermula di bangku sekolah lagi, kita diperkenalkan dengan lima prinsip Rukun Negara yang tidak pernah lekang di ingatan kita.
7. **Kita percaya kepada Tuhan, kita setia kepada Raja dan negara, kita junjung Keluhuran Perlembagaan, kita hormati Kedaulatan Undang-undang dan kita sentiasa Bersopan dan Bertatasusila dalam pergaulan kita seharian.** Tidak kiralah

samada anda seorang Melayu, Cina, India, Sikh, Kadazan, Dusun, Iban, Murut, Melanau, orang asal atau mana-mana kaum dan suku kaum sekalipun, sekiranya anda bergelar warganegara Malaysia, inilah ciri-ciri yang wajib anda miliki. Perbezaan ras dan warna kulit tidak menjadi penghalang kepada kita semua untuk bersatu hati sebagai satu bangsa yang mempunyai nilai-nilai yang sama, yang berpegang kepada prinsip kenegaraan yang sama, dan berbangga menjadi warga sebuah negara yang aman, makmur dan harmoni.

8. Kita semua maklum, malah anak-anak juga belajar di sekolah bahawa setiap kaum di Malaysia sama ada Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban dan lain-lain yang mempunyai adat dan budaya tersendiri telah membentuk kepelbagaian yang kaya dan unik dalam masyarakat. Kepelbagaian ini adalah nadi kekuatan rakyat Malaysia.
9. Kita raikan kepelbagaian yang ada dalam persekitaran kita. Hormati dan terima perbezaan dan cari persamaan dalam kepelbagaian itu. Ini adalah aset kita yang kita warisi serta dijunjung selama ini dalam kita memastikan dan menjaga nilai hubungan sesama kawan untuk mewujudkan kelompok masyarakat yang harmoni.

**KEMPEN BUDI BAHASA : #CAKAPBAIKBAIK**

10. Saya percaya dalam jiwa sanubari anak-anak semua tertanam nilai-nilai kebaikan yang sentiasa mengajak kita untuk saling

hormat-menghormati dan kasih-mengasihi sesama manusia. Nilai-nilai kebaikan inilah yang mesti sentiasa kita pupuk dan suburkan di dalam masyarakat demi mempereratkan perpaduan sesama kita.

11. Seiring dengan itu, suka saya mengingatkan semua agar semarakkan pembudayaan Rukun Negara dalam kehidupan seharian. Rukun Negara adalah roh yang menjadi pembina semangat dan pengikat semangat cintakan negara dalam diri kita semua.
12. Setiap orang berperanan mewujudkan suasana dan moments yang harmoni. Mulakan dengan ucapan serta tindakan yang mewujudkan hubungan positif antara kita. Cakap perkataan yang baik baik untuk melestarikan warisan nilai-nilai murni yang menjadi kepelbagaian khazanah warisan negara kita. Fikir dulu sebelum berkata-kata. Jangan gunakan perkataan dan nada yang menyentuh sensitiviti sesuatu kaum dan perasaan rakan kita.

### **KELAB RUKUN NEGARA (KRN)**

13. Usaha menyemarakkan pendidikan dan penghayatan Rukun Negara ini perlu diperkasakan dalam setiap peringkat sistem pendidikan sekolah bermula dari pra sekolah hingga ke pendidikan tinggi. Ini bagi memastikan agar setiap individu, bermula daripada kanak-kanak, dapat memahami dan menghayati sebenar-benarnya cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

14. Justeru pelaksanaan program yang berunsurkan kenegaraan di sekolah dilaksanakan melalui Kelab Rukun Negara yang ditubuhkan di sekolah-sekolah.
15. Matlamat utama pelaksanaan program Kelab Rukun Negara di sekolah adalah bertujuan mengukuhkan semangat perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan murid pelbagai kaum.
16. Sehingga kini, sebanyak 6,849 Kelab Rukun Negara (KRN) telah ditubuhkan di seluruh negara yang merangkumi SK, SJK(C), SJK(T), SMK dan SMK swasta. Untuk makluman, sebanyak **560 Kelab Rukun Negara telah ditubuhkan di Negeri Kedah.**

## **PENUTUP**

17. Saya menyeru semua anak-anak, guru-guru dan semua pihak agar membudayakan pengamalan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian. Pihak Kementerian Perpaduan Negara akan sentiasa menyokong pelaksanaan program-program yang dapat menyemarakkan rasa kecintaan terhadap negara dan mengekalkan keharmonian yang telah sedia wujud di negara ini.
18. Dengan pelbagai pengisian aktiviti sepanjang kem ini, saya percaya anak-anak semua memperoleh nilai tambah kefahaman dan peningkatan sensitiviti terhadap persekitaran dan adat budaya yang ada dalam persekitaran kita.

19. Raikanlah kepelbagaian adat budaya dan bahasa dengan dilandasi usaha integrasi yang berterusan demi membentuk serta memelihara ekosistem perpaduan yang harmoni dalam masyarakat kita.
20. Dengan usaha murni ini, saya berharap agar kita sama-sama dapat mengukuhkan lagi hubungan semangat kekitaan antara kita semua sebagai rakyat Malaysia yang menjunjung tinggi Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas pembentukan negara serta usaha penyatupaduan rakyat demi kelestarian keharmonian negara yang kita cintai.
21. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya merakamkan penghargaan, dan ucapan tahniah serta terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (iLEADS), Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.
22. Dengan sukacitanya saya merasmikan **Penutupan Kem Anak Malaysia Peringkat Negeri Kedah Tahun 2023.**

Sekian, terima kasih.